LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA
FISHERIES DEVELOPMENT AUTHORITY OF MALAYSIA
Wisma LKIM, Jalan Desaria, Pulau Meranti
47120 PUCHONG
MALAYSIA

LKIM

Tel: 603-8064 9000
Faks (fax) : 603-8060 3726
Laman Web(web) : http//lkim.gov.my

Ruj. Kami: LKIM:I406/524/2 JLD 19 (79)
Tarikh : 31 Mei 2021

SENARAI EDARAN SEPERTI DALAM LAMPIRAN

Tuan/Puan,

SOP AM PENGURUSAN DAN PENGOPERASIAN KOMPLEKS/LABUHAN LKIM DALAM TEMPOH PELAKSANAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)

Dengan segala hormatnya perkara tersebut di atas adalah dirujuk.

2. Sepertimana yang pihak tuan/puan sedia maklum, arahan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) mulai 12 Mei 2021 hingga 7 Jun 2021 dan 'Total lockdown" Fasa Pertama mulai 1 Jun 2021 sehingga 14 Jun 2021 telah dikeluarkan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia diseluruh negara bagi mengawal penularan wabak COVID-19 yang semakin membimbangkan.

3. Walau bagaimanapun, sektor bekalan makanan serta perkhidmatan dan pengusahaan Pelabuhan, Limbungan dan lapangan terbang **dibenarkan beroperasi** kerana terlibat dengan perkhidmatan penting negara (*essential services*).

4. Sehubungan dengan itu, bersama-sama ini disertakan Sop Am beserta FAQ berhubung Pengurusan dan Pengoperasian Kompleks/Labuhan LKIM dalam tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) untuk makluman dan rujukan pihak tuan/puan serta untuk edaran kepada Kompleks/Labuhan di bawah selian tuan/puan.

Kerjasama dari pihak tuan/puan berhubung perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(YUSOFF BIN OTHMAN)
Ketua Pengarah
Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia

Ruj. Kami: LKIM/I466/524/2 Jld 19(79)

s.k 1) TKPP

2) PR

3) PI

4) P(ML)

5) P(IM)

6) P(KP)

7) KUKK

SENARAI EDARAN

1. Pengarah
   LKIM Negeri Perlis
   Kompleks Perikanan LKIM Kuala Perlis
   Kg. Perak, 02000 Kuala Perlis
   PERLIS
   Tel : 04-985 1727
   Faks : 04-985 4960

2. Pengarah
   LKIM Negeri Kedah
   Pelabuhan Perikanan LKIM Kuala Kedah
   Kampung Keluncur, Mk Kubang Rotan
   06250 Alor Setar
   KEDAH
   Tel : 04-732 0780
   Faks : 04-732 0790

3. Pengarah
   LKIM Negeri Pulau Pinang
   Kompleks Perikanan LKIM Batu Maung
   11960 Batu Maung
   PULAU PINANG
   Tel : 04-626 1858
   Faks : 04-626 1184

4. Pengarah
   LKIM Negeri Perak
   32040 Manjung
   PERAK
   Tel : 05-688 6166
   Faks : 05-688 6031

5. Pengarah
   LKIM Negeri Sembilan
   Lot 113, Jalan Lavender Height 1
   Pusat Perniagaan Lavender Height
   70450, Seremban
   NEGERI SEMBILAN
   Tel : 06-6751911
   Faks : 06-6753439

6. Pengarah
   LKIM Negeri Melaka
   Kompleks Perikanan LKIM Sungai Duyong
   Lot 800-802, Jalan Padang Temu, 75050
   MELAKA
   Tel : 06-284 9979
   Faks : 06-284 9877

7. Pengarah
LKIM Negeri Selangor
No. 15, Pusat Dagangan UMNO Shah Alam
Persiaran Damai Seksyen II
40100 Shah Alam
SELANGOR

Tel : 03-5521 6200
Faks : 03-5521 6222

8. Pengarah
LKIM Negeri Kelantan
Lot 337, Seksyen 15
Jalan Sultanah Zainab
15050 Kota Bharu
KELANTAN

Tel : 09-748 2402
Faks : 09-744 3502

9. Pengarah
LKIM Negeri Pahang
Kompleks Perikanan LKIM Kuantan
Lorong Seri Kemunting 2
Tanah Putih, 25100 Kuantan
PAHANG

Tel : 09-512 4326
Faks : 09-5124325

10. Pengarah
LKIM Negeri Terengganu
Pelabuhan Perikanan LKIM Chendering
21080 Kuala Terengganu
TERENGGANU

Tel : 09-617 1788
Faks : 09-617 1784

11. Pengarah
LKIM Negeri Johor
No. 6 & 8 Jalan Geroda 1, Larkin
80350 Johor Bahru
JOHOR

Tel : 07-223 1070
Faks: 07-223 2332

12. Pengarah
LKIM Negeri Sarawak
Lot 329, Seksyen 9, KTLD
Jalan Satok, Peti Surat 2201
93744 Kuching
SARAWAK

Tel : 082-245 481
Faks: 082-256 871

13. Pengarah
LKIM Negeri Sabah
Lot 72 & 73, Blok K
Alamesra Plaza Utama
88450 Kota Kinabalu
SABAH

Tel : 088-487 450
Faks : 088-487 457

14. Pengarah
LKIM WP Labuan
Lot 3, Tingkat 1 Phase 111A
Lazenda Commercial Center
WP LABUAN

Tel : 087-417 417
Faks : 089-419 102

A. PUNCA KUASA

i. Majlis Keselamatan Negara (MKN) - Prosedur Operasi Standard *(SOP)*

SOP AM PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)
TARIKH MULA KUAT KUASA : 25 MEI 2021

Aktiviti Dibenarkan
- Sektor ekonomi yang dibenarkan.
- Membeli atau mendapatkan barang keperluan.
- Mendapatkan rawatan kesihatan dan perubatan.
- Menjalankan urusan Rasmi Kerajaan dan tugas kehakiman.

Aktiviti Tidak Dibenarkan
- Pergerakan rentas daerah dalam kawasan PKP dan rentas negeri lain tanpa kebenaran PDRM.
- Pergerakan keluar dan masuk kawasan PKP tanpa kebenaran PDRM.
- Sila rujuk Senarai Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan

Arahan Tetap
- Peraturan 16 P.U. (A) 225/2021.
- Akta 342.
- Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit) (Pindaan) 2021.
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Arahan dan peraturan di bawah PBT.
- Tertakluk kepada laporan Hotspot Identification for Dynamic Engagement (HIDE) dan penilaian risiko KKM.
- Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.

Waktu Berkuat Kuasa	24 Jam	Waktu Aktiviti Dibenarkan	Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas	Pergerakan	Bersyarat

AKTIVITI DAN PROTOKOL

Aktiviti	Penerangan Ringkas
Protokol Kesihatan Umum	Diwajibkan memakai pelitup muka terutama apabila berada di tempat awam yang sesak **kecuali** bagi aktiviti dan tempat seperti berikut: a) Bilik hotel atau penginapan berbayar bersendirian dan melibatkan ahli isi rumah. b) Ruang kerja bersendirian. c) Aktiviti sukan dan rekreasi *outdoor.* d) Kenderaan sendiri dan melibatkan ahli isi rumah. e) Kawasan dan tempat awam *indoor* atau *outdoor* tanpa ada individu lain. f) Sewaktu makan dan minum di tempat awam tanpa ada individu lain (selain di restoran atau premis makanan).
Mesyuarat	• Mesyuarat bersemuka secara dalaman agensi Kerajaan dan swasta **TANPA MELIBATKAN WAKIL AGENSI LUAR** adalah **dibenarkan.** • Ahli mesyuarat adalah dari premis, pejabat atau bangunan yang sama dan tidak melibatkan rentas daerah atau negeri. • Mesyuarat digalakkan untuk dilaksanakan secara sidang video.
Sektor Perikanan, Perladangan, Pertanian dan Penternakan	• Sektor perikanan, perladangan, pertanian, penternakan dan semua yang berkaitan dengan rantaian makanan adalah **dibenarkan** beroperasi. • Aktiviti memancing bagi tujuan sara hidup adalah **dibenarkan.**

8

ii. LKIM – Arahan Terkini Pengoperasian Pejabat di Bawah PKP 3.0 (LKIM:PSM.406/763 Jld. 2)

LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA
FISHERIES DEVELOPMENT AUTHORITY OF MALAYSIA
Wisma LKIM, Jalan Desaria, Pulau Meranti
47120 PUCHONG
MALAYSIA

LKIM

Tel: 603-8064 9000
Faks (fax) : 603-8060 3726
Laman Web(web) : http//lkim.gov.my

Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : LKIM:PSM.406/763JLD.2
Tarikh : Mei 2021

Pengarah-Pengarah Bahagian
Pengarah-Pengarah Negeri
Pegawai-Pegawai Wilayah

Tuan/Puan,

ARAHAN TERKINI MENGENAI PENGOPERASIAN PEJABAT DI BAWAH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) 3.0 DIPERKETATKAN.

Dengan hormatnya perkara tersebut adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan, kerajaan telah mengumumkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 dengan beberapa sekatan yang lebih ketat berdasarkan kepada situasi semasa pandemik COVID-19 di Malaysia.
Oleh yang demikian, pengoperasian bagi LKIM akan dilaksanakan secara hibrid melalui keberadaan di pejabat dan Bekerja Dari Rumah menggunakan pendekatan seperti berikut :

a) Kehadiran ke pejabat pada tahap 20% keseluruhan (tidak temasuk perkhidmatan essential services) dan 80% secara BDR dengan penggiliran (Rujuk Perkara 3 & 5);

b) Kehadiran ke pejabat hanya bagi proses kerja yang tidak boleh dilaksanakan secara BDR dan memerlukan keberadaan di Pejabat,

c) Mesyuarat dan perbincangan dilaksanakan secara dalam talian melalui medium yang selamat dan terjamin kerahsiaan

d) Perkhidmatan kaunter hanya dibuka kepada perkhidmatan yang ditawarkan secara talian dan melalui temujanji sahaja.

e) Pelaksanaan BDR adalah berdasarkan kepada Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2020- Dasar Bekerja Dari Rumah yang jelas memperincikan aspek-aspek yang perlu dipatuhi. Pegawai dan kakitangan LKIM perlu mengisi borang BDR seperi dilampiran A dan dihantar kepada seksyen PSM Ibu pejabat bagi tujuan rekod. Sebarang pelanggaran salah laku dalam pematuhan kepada BDR akan dikenakan tindakan tatatertib di bawah Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj)2000 (Akta 605).

3. Sepanjang tempoh PKP 3.0 di perketatkan kehadiran pegawai/kakitangan ke pejabat adalah sebagaimana berikut:

Bil.	Perintah	Peratusan Kehadiran Bertugas
1.	**Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 diperketatkan**	(i) Pengarah Bahagian / Pengarah Negeri , Timbalan Pengarah Bahagian, Timbalan Pengarah Negeri dan Ketua Unit Undang-Undang, Ketua Unit Komunikasi Korporat, **diwajibkan** hadir ke pejabat; dan (ii) Kehadiran 20% *(Jadual Penggiliran ditentukan oleh Pengarah Bahagian / Pengarah Negeri. Jadual pengiliran perlu dihantar kepada Seksyen PSM bagi tujuan rekod.)*

4. Semua kakitangan dikehendaki **berada di stesen bertugas masing-masing** sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan 3.0 diperketatkan.

5. Perkhidmatan penting *(essential services)* yang disenaraikan di bawah hendaklah **beroperasi seperti biasa** dengan **kehadiran penuh 100%** pegawai/kakitangan:

(i) Pelabuhan dan Kompleks Pendaratan Ikan LKIM (termasuk PPHP);
(ii) Pusat e-pengisytiharan LKIM;
(iii) Pejabat Persatuan Nelayan Negeri / Kawasan;
(iv) Pusat Jualan Minyak dan Air Batu Persatuan Nelayan;

(v) Pusat Pemeriksaan Ikan (PPI);
(vi) Kawalan Keselamatan di pejabat LKIM; dan
(vii) Perkhidmatan pembersihan.

Walau bagaimanapun, bagi sesetengah keadaan PKPD atau SOP MKN di kawasan atau negeri bagi Persatuan Nelayan atau Persatuan Nelayan Kawasan, Pengarah Negeri boleh mempertimbangkan untuk memberikan penggiliran tanpa menjejaskan perkhidmatan.

6. Bagi mengurangkan risiko jangkitan dan memutuskan rantaian COVID-19, aktiviti sosial yang melibatkan perkumpulan beramai-ramai seperti kenduri kahwin, persidangan, perarakan keagamaan termasuk Raya Aidilfitri, mesyuarat, seminar, kursus dan sukan berkumpulan adalah **TIDAK DIBENARKAN**.

7. Tanggungjawab pegawai yang diberikan kemudahan bekerja dari rumah adalah seperti berikut:

(i) sentiasa berada di rumah dalam tempoh waktu pejabat/bekerja yang ditetapkan oleh kerajaan;

(ii) sentiasa bersedia sekiranya diarah oleh Pengarah Bahagian / Pengarah Negeri untuk hadir ke Pejabat atau mana-mana lokasi lain;

(iii) memastikan sentiasa boleh dihubungi dalam tempoh waktu bekerja; dan

(iv) sekiranya pegawai yang bekerja dari rumah tidak dapat dihubungi melalui apa-apa medium komunikasi, maka pegawai tersebut dianggap **tidak hadir bertugas.**

8. Surat Arahan ini berkuat kuasa mulai **25 Mei 2021 sehingga tamat pelaksanaan tempoh pelaksanaan PKP 3.0 diperketatkan.**

9. Semua pegawai dan kakitangan LKIM diingatkan sentiasa **MEMATUHI** sepenuhnya Prosedur Operasi Standard (SOP) PKP dan PKPD yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Majlis Keselamatan Negara (MKN) termasuklah arahan oleh pihak berkuasa dari semasa ke semasa.

10. Pihak Pengurusan LKIM akan memaklumkan dari semasa ke semasa mengenai arahan terbaharu jika ada.

LKIM:PSM.406/763JLD.2
ARAHAN TERKINI MENGENAI PENGOPERASIAN PEJABAT DI BAWAH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) 3.0 DIPERKETATKAN
24 Mei 2021

Sekian, terima kasih.

"PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID -19"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(YUSOFF BIN OTHMAN)
Ketua Pengarah
Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia

s.k. Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan)
Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia

Fail

B. SOALAN LAZIM *(FREQUENTLY ASKED QUESTIONS - FAQ)*

Bil	Soalan /Jawapan	Perincian
1	Soalan : Jawapan :	Adakah pengoperasian Kompleks/Labuhan LKIM berjalan seperti biasa sepanjang tempoh penguatkuasaan PKP 3.0 ini? Ya, aktiviti pengoperasian di semua Kompleks/Labuhan LKIM berjalan seperti biasa setiap hari. Hal ini sejajar dengan peranan Kompleks/Labuhan LKIM yang dikategorikan sebagai perkhidmatan penting (*essential services*) bagi menjamin bekalan hasil perikanan negara mencukupi. Walau bagaimanapun semua aktiviti perlu mengambil kira pematuhan pada Punca Kuasa sepertimana perincian perenggan A (i) dan (ii) di atas.
2	Soalan : Jawapan :	Apakah senarai aktiviti yang dilarang (*negative list*) dalam Kompleks/Labuhan LKIM? Apa-apa aktiviti yang boleh menyebabkan ramai orang hadir di suatu tempat sehingga menyukarkan penjarakan fizikal dan pematuhan pada Punca Kuasa sepertimana perincian perenggan A (i) dan (ii) di atas.
3	Soalan : Jawapan :	Apakah senarai aktiviti yang dibenarkan beroperasi di dalam Kompleks/Labuhan LKIM? Semua rantaian aktiviti yang melibatkan perikanan dibenarkan beroperasi. Senarai adalah seperti berikut : i. Pendaratan/tambatan bot di jeti pendaratan; ii. Memuat, memunggah, menyimpan, memungut dan memproses hasil perikanan; iii. Urusniaga jualan air batu;

		iv. Pengoperasian kemudahan/premis; v. Urusniaga jualan minyak bersubsidi; atau vi. Mana-mana aktiviti perikanan lain yang dibenarkan selaras dalam Kaedah-Kaedah LKIM (Kompleks, Labuhan Perikanan Dan Jeti Pendaratan Ikan) 2010 dan Kaedah-Kaedah Pemasaran LKIM 2010. Walau bagaimanapun, Pengurusan Kompleks/Labuhan LKIM masing-masing perlu memantau setiap masa pelaksanaan dan pengoperasian aktiviti tersebut supaya ianya selaras dengan pematuhan pada Punca Kuasa sepertimana perincian perenggan A (i) dan (ii) di atas.
4	Soalan : Jawapan :	Adakah kemudahan/premis dan aktiviti perikanan yang dibenarkan beroperasi semasa PKP 3.0 ini masih tertakluk dengan arahan lain selain daripada Kaedah-Kaedah LKIM (Kompleks, Labuhan Perikanan Dan Jeti Pendaratan Ikan) 2010 dan Kaedah-Kaedah Pemasaran LKIM 2010? Ya. Kebenaran pengoperasian bagi semua kemudahan/premis dan aktiviti perikanan dalam Kompleks/Labuhan LKIM adalah tertakluk kepada arahan dari masa ke semasa oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Pihak Berkuasa Tempatan dan Jabatan/Agensi lain yang berkaitan. Pengurusan Kompleks/Labuhan LKIM masing-masing perlu memantau setiap masa pelaksanaan dan pengoperasian aktiviti tersebut supaya ianya selaras dengan pematuhan pada Punca Kuasa sepertimana perincian perenggan A (i) dan (ii) di atas.
5	Soalan : Jawapan :	Bilakah waktu yang dibenarkan untuk beroperasi semasa tempoh penguatkuasaan PKP 3.0 ini? Waktu pengoperasian adalah bergantung pada ketetapan yang ditentukan oleh Pengurusan Kompleks/Labuhan LKIM masing-masing dengan pematuhan pada Punca Kuasa sepertimana perincian perenggan A (i) dan (ii) di atas.

6	Soalan : Jawapan :	Berapakah kapasiti bilangan pekerja dan pengguna yang dibenarkan dalam satu masa sepanjang tempoh penguatkuasaan PKP 3.0 ini? Kapasiti bilangan pekerja dan pengguna yang dibenarkan dalam satu masa sepanjang tempoh penguatkuasaan PKP 3.0 ini adalah bergantung pada ketetapan yang ditentukan oleh Pengurusan Kompleks/Labuhan LKIM masing-masing dengan pematuhan pada Punca Kuasa sepertimana perincian perenggan A (i) dan (ii) di atas.
7	Soalan : Jawapan :	Apakah langkah-langkah persediaan oleh Pengurusan Kompleks/Labuhan LKIM dalam pencegahan penularan wabak Covid-19? Langkah-langkah yang perlu diambil adalah seperti berikut : 1) **Mengamalkan langkah-langkah keselamatan dan kesihatan :** • Penjarakan sosial (*social distancing*) 1 hingga 2 meter dalam semua keadaan. • Diwajibkan memakai *face-mask*; digalakkan memakai *double face-mask* dalam keadaan tertentu. • Pengurusan Kompleks/Labuhan perlu menyediakan *'barcode scan'* di dalam aplikasi *MySejahtera* bagi memudahkan pendaftaran keluar masuk pengguna. • Menyediakan alat pengesan suhu (maksima suhu badan 37.2°C - dibenarkan masuk ke dalam kompleks sepertimana yang dinyatakan dalam FAQ 3 dan 8) 2) **Menggalakkan amalan kebersihan yang tinggi :** • Kerap mencuci tangan dengan sabun atau *hand-sanitizer.* • Menyediakan kemudahan ini untuk pekerja dan pengguna. • Memastikan pembersihan (*sanitizing*) premis/peralatan dibuat pada kadar yang kerap dan konsisten, sekurang-kurangnya 2 kali sehari. 3) **Mengamalkan amalan-amalan pencegahan jangkitan :**

		• Memastikan terdapat protokol pemantauan penyakit dan pencegahan penularan jangkitan. • Kesemua pekerja dan pengguna diperiksa setiap hari untuk mengenalpasti simptom Covid-19 termasuk pemeriksaan suhu badan. • Di mana penjarakan fizikal tidak boleh diamalkan, pekerja atau pengguna mesti menggunakan peralatan perlindungan diri (PPE) yang sesuai. • Melaporkan kepada Jabatan Kesihatan berdekatan sekiranya terdapat maklumat mengenai jangkitan Covid-19. • Melatih pekerja untuk memantau dan bertindak sekiranya terdapat kes yang disyaki timbul. 4) **Mengelakkan sebarang bentuk perhimpunan:** • Aktiviti sosial melibatkan perhimpunan ramai seperti Hari Bertemu Pelanggan adalah tidak dibenarkan.
8	Soalan : Jawapan :	Apakah langkah bagi mengawal bilangan pekerja yang berurusan di Kompleks/Labuhan LKIM ? Semua pengguna yang ingin berurusan di Kompleks/Labuhan LKIM seperti pemborong, peruncit dan pekerja am dikehendaki mematuhi sepenuhnya arahan berikut :- i. Mendaftar dan mendapatkan permit untuk memasuki dan berurusan di dalam Kompleks/Labuhan LKIM. ii. Hanya individu yang dibenarkan (mempunyai permit) sahaja yang dibenarkan memasuki dan berurusan di dalam Kompleks/Labuhan LKIM. iii. Mendaftar (*check-in*) melalui aplikasi *MySejahtera.*
9	Soalan : Jawapan :	Apakah langkah untuk kawalan bilangan kenderaan yang berurusan di Kompleks/Labuhan LKIM? Setiap kenderaan yang berurusan di dalam Kompleks/Labuhan LKIM perlu didaftarkan seperti ketetapan berikut :-

		i. Nama Syarikat ii. Alamat iii. No. Telefon iv. Kawasan/lokasi pengedaran '*consignment*'
10	Soalan : Jawapan :	Bagaimanakah langkah-langkah pematuhan pada Prosedur Operasi Standard (SOP) PKP dikuatkuasakan di Kompleks/Labuhan LKIM? Pihak Pengurusan Kompleks/Labuhan LKIM masing-masing akan menggembeling tenaga bersama Anggota Penguatkuasa LKIM dengan dibantu oleh Agensi Keselamatan lain seperti Polis DiRaja Malaysia, Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APAM) dan RELA dalam usaha memastikan Prosedur Operasi Standard (SOP) PKP dipatuhi sepenuhnya.
11	Soalan : Jawapan :	Apakah langkah-langkah yang perlu diambil sekiranya terdapat pekerja atau pengguna dalam Kompleks/labuhan LKIM yang disahkan positif Covid-19? Pengurusan Kompleks/Labuhan perlu mengambil langkah-langkah seperti berikut : 1) Menutup premis/kemudahan serta merta; 2) Berhubung dengan Pejabat Kesihatan yang berdekatan dengan segera untuk mendapat khidmat nasihat; dan 3) Melakukan sanitasi mengikut panduan yang ditetapkan oleh KKM.
12	Soalan : Jawapan :	Untuk maklumat lanjut, siapakah yang perlu saya hubungi? Untuk maklumat lanjut, tuan/puan boleh menghubungi Pengurusan Kompleks/Labuhan masing-masing di kawasan berhampiran tuan/puan.